



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR ANTARA IBU KOTA PERTAMA YANG MENCAPAI 80 PERATUS IMUNITI KELOMPOK DEWASA**

Susulan kejayaan Wilayah Persekutuan Labuan yang menjadi negeri pertama di Malaysia yang mencapai imuniti kelompok dewasa, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) telah menggembeleng sepenuh tenaga bagi mempercepatkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan kepada penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berisiko tinggi. Hasil daripada usaha keras tersebut Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada hari ini telah berjaya mencapai 80% imuniti kelompok dewasa sejak pelaksanaannya pada 24 Februari 2021.

Ia merupakan satu kejayaan yang sangat besar bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan kerjasama petugas-petugas barisan hadapan, jabatan/agensi kerajaan, badan-badan sukarelawan dan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merealisasikan kejayaan ini. Dengan kapasiti harian 53,000 dos yang dilaksanakan melalui 196 Pusat Pemberian Vaksin (6 PPV MEGA, 1 PPV Mobile, 1 PPV Pandu Lalu, 1 PPVACC, 155 PPV Klinik Swasta, 25 PPV Hospital Swasta, 3 PPVIN dan 4 SPPV) di Kuala Lumpur sehingga semalam berjaya mevaksinasi 2,568,340 populasi dewasa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan dos vaksin pertama dan 1,545,395 lagi telah lengkap menerima kedua-dua dos vaksin.

Walaupun trend kes harian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih lagi menunjukkan peningkatan, namun peratusan kes tertinggi yang dilaporkan semalam adalah daripada kategori 1 dan 2 iaitu 2,001 kes (96.0%) selebihnya, iaitu 4.0% atau 78 kes adalah dalam kategori 3, 4 dan 5. Dengan adanya imuniti kelompok bilangan kes yang melibatkan kontak rapat dalam kalangan komuniti dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, pencapaian program vaksinasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini juga berjaya menurunkan bilangan kes yang dibawa masuk ke hospital dan penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU). Pemberian vaksin pada fasa 2 kepada mereka yang berusia 60 tahun ke atas telah memberikan kesan penurunan kes kemasukkan ke hospital dan ICU. Pada masa yang sama, kemasukan pesakit Covid-19 yang berusia 40 – 59 tahun juga menurun dan mereka yang berusia 20 – 39 tahun juga turut menurun. Ini menunjukkan kesan vaksinasi telah berjaya menurunkan kes kemasukkan ke hospital dan juga penggunaan katil-katil di ICU seperti yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan pada 13 Ogos 2021.

Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah turut menjadi salah satu penyumbang utama kepada pencapaian 80% imuniti kelompok dewasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Melalui program ini suntikan vaksin kepada penduduk di PPR dan Perumahan Awam DBKL, kampung-kampung tradisi, gelandangan, peniaga pasar-pasar awam serta pekerja tapak binaan dan kawasan industri dengan mudah menerima vaksin tanpa perlu keluar daripada kawasan masing-masing. Golongan yang berisiko tinggi ini mendapat keutamaan bagi membolehkan kawalan penularan wabak Covid-19 dalam kalangan komuniti dan mengekang penularan di tempat kerja. Sejak pelaksanaannya pada 7 Jun 2021 sehingga hari ini, Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah ini telah berjaya memberikan suntikan vaksin kepada 279,376 warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Melalui kejayaan ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh membuat persiapan untuk beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara supaya kegiatan ekonomi boleh kembali beroperasi seperti sedia kala secara berperingkat selaras dengan lebih daripada 40 peratus penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima dos lengkap vaksin. Kejayaan ini jelas membuktikan kesedaran rakyat terhadap kepentingan imunisasi dalam mengutamakan keselamatan semua pihak terutamanya golongan B40 dan kumpulan rentan. Kejayaan ini seterusnya disusuli dengan pelaksanaan Program Pemulihan Wilayah Persekutuan bagi membolehkan Wilayah Persekutuan kembali rancak sebagai pusat kegiatan ekonomi, sosial dan kebudayaan menjelang Hari Kemerdekaan negara.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**

**Menteri Wilayah Persekutuan**

**15 Ogos 2021**